

HAK HARTA PUSAKA UNTUK ANAK ANGKAT BERDAFTAR

RIGHTS OF ESTATES FOR REGISTERED ADOPTED CHILD

^{i,*}Adzidah Yaakob, ⁱNur Zulaikha Ahmad Izuddin, ⁱNur Balqis Faisal, ⁱMuhamad Rezan Tambi, ⁱFarliza Malihah Muhammad, ⁱWan Nur Aina Wan Muzafer Shah & ⁱSyaryanti Hussin

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding Author: adzidahs@gmail.com

ABSTRACT

Adopting a child is common practice in Malaysia, regardless of whether it is in the Muslim community or in the non-Muslim community. In fact, this practice has arisen since the time before the advent of Islam and continues until today. In Islam, adopting a child is allowed, in fact it is an act or practice that is highly encouraged. This is because it can ensure the welfare of the adopted child is preserved and always awake. In Malaysia, adoption must be registered according to applicable Law. There is a difference between the status of an adopted child according to Shariah law and according to the law that applies to people who are not Muslim, in which case, according to the Islamic religion, adopted children are not assigned to the adoptive father. Therefore, this article will discuss about the rights of inheritance for adopted children who are registered according to Shariah law and the laws found in Malaysia.

Keywords: *Inheritance, adoption, Shariah law, adoption act*

Abstrak

Amalan pengambilan anak angkat sudah tidak asing lagi di negara Malaysia tidak kira sama ada dalam kalangan masyarakat Islam maupun dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Bahkan amalan ini telah timbul sejak zaman sebelum kedatangan Islam lagi dan berlangsung sehingga ke hari ini. Dalam Islam pengambilan anak angkat dibenarkan malah ianya satu perbuatan atau amalan yang sangat digalakkan. Hal ini kerana dapat memastikan kebaikan anak angkat tersebut terpelihara dan sentiasa terjaga. Di Malaysia, pengambilan anak angkat haruslah didaftarkan mengikut Undang- undang yang terpakai. Terdapat perbezaan antara status anak angkat mengikut hukum syarak dan mengikut undang-undang yang terpakai bagi orang yang bukan beragama Islam yang mana disisi agama Islam, anak angkat tidak dinasabkan kepada bapa angkat. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang hak harta pusaka bagi anak angkat yang berdaftar mengikut hukum syarak dan Undang-undang yang terdapat di Malaysia

Kata Kunci: Harta Pusaka, anak angkat, hukum syarak, Akta Pengangkatan

Pengenalan

Anak angkat merupakan satu anugerah yang diberi oleh Allah SWT kepada pasangan yang tidak mempunyai anak bagi memenuhi dan menambah kebahagiaan di dalam sebuah kekeluargaan. Kebiasaannya ibu bapa angkat akan menjaga anak angkat tersebut sejak dari kecil sehingga dewasa seperti anak kandung sendiri dengan penuh kasih sayang tanpa berbelah bagi. Namun begitu, status pengiktirafan terhadap anak angkat tidak sama sekali boleh menasabkan kepada nama bapa angkat tersebut yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran, Surah Al-Ahzab ayat 4-5 dan anak angkat tersebut tidak ada hubungan pertalian antara satu sama lain antara ibu bapa angkat.

Secara jelas bahawa, pengangkatan tersebut mempunyai had kepada anak angkat tidak berhak atau tidak boleh mewarisi sebarang harta peninggalan keluarga angkatnya kerana tiada hubungan kekeluargaan. Dari kitab Fiqh Al-Manhaji menjelaskan maksud harta pusaka adalah hak milik yang boleh dibahagikan kepada sesiapa yang berkelayakan selepas kematian pemiliknya sama ada kerana hubungan kekeluargaan atau seumpamanya seperti hubungan perkahwinan dan wala'. Walau bagaimanapun, hak anak angkat hanya boleh menerima dari keluarga angkatnya melalui hibah atau wasiat sebanyak 1/3 bahagian daripada harta pusaka ibu bapa angkatnya dengan syarat kesemua ahli waris bersetuju mengikut hukum syarak yang telah ditetapkan. Diriwayatkan bahawa Sa'ad bin Abi Waqas RA berkata kepada Nabi Muhammad SAW:

Terjemahan: "Wahai Rasulullah, aku ingin wasiat dengan kesemua hartaku, nabi bersabda: tidak, Aku berkata: Separuh (hartaku), nabi bersabda: tidak, Aku berkata: satu pertiga (hartaku), nabi bersabda: satu pertiga, dan satu pertiga itu banyak. Sesungguhnya engkau meninggalkan ahli waris engkau dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka meminta-minta manusia".

(Sahih Al-Bukhari: 2742)

Perkara ini haruslah dijelaskan secara awal kepada anak angkat tersebut supaya dapat mengelakkan kekeliruan permasalahan di masa akan datang antara keluarga angkat dan keluarga kandung secara jelas berbeza dari segi nasab, hadhanah dan pusaka. Agama Islam menggalakkan untuk mengambil anak angkat tetapi tidak menasabkan anak angkat tersebut kepada bapa angkatnya untuk menjaga kesucian agama Islam itu sendiri.

Sorotan Literatur

Harta pusaka atau al-Mirath dari sudut bahasa bermaksud kekal, baki, asal atau perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Dari segi istilah bermaksud ialah sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh waris-waris disebabkan kematian pewaris (Mohd Zamro Muda et al., 2008). Dalam Riwayat al-Bukhari Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi, sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, sesungguhnya mereka hanya mewariskan ilmu, maka barangsiapa yang mengambil warisan tersebut ia telah mengambil bahagian yang banyak.”

(Sunan Abi Daud: 3641)

Terdapat beberapa dalil Al-Quran dan Hadis yang mensyariatkan tentang harta pusaka. Antaranya, dalam Surah An-Nisa ayat 11, 12 dan 176. Ketiga-tiga ayat ini menceritakan tentang hal-hal pusaka di dalam Islam termasuklah waris-waris kepada pusaka, pembahagian harta pusaka dan sebab-sebab kepada pewarisan. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat Al-Quran yang mensyariatkan tentang pusaka secara tersirat seperti dalam Surah Al-Anfal, ayat 75:

Terjemahan: “Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya yang lain menurut (hukum) Kitab Allah: sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

(Al-Quran. Surah Al-Anfal, 8:75)

Dalam Surah An-Nisa ayat ke 7, dari Tafsir Al-Qurtubi (2006), Imam al-Qurtubi mentafsirkan bahawa terdapat 3 faedah atau manfaat yang diperolehi daripada ayat tersebut dan antaranya yang pertama sebab-sebab pusaka adalah pewarisan kepada *القرابة* iaitu hubungan kerabat. Kedua, kerabat yang dimaksudkan adalah terbuka sama ada ia kerabat dekat ataupun kerabat jauh. Ketiga, setiap bahagian harta kepada waris sudah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Daripada Abdullah bin ‘Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: “Hendaklah kamu berikan fardu-fardu kepada ahli-ahlinya, apa yang berbaki maka untuk lelaki yang lebih utama”.

(Sahih Al-Bukhari: 6732) (Sahih Muslim: 1615)

Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan Senarai 2 Senarai Negeri memperuntukkan tentang bidang kuasa berkaitan harta pusaka orang-orang islam. Manakala pentadbiran harta pusaka berwasiat dan tak berwasiat adalah di bawah bidang kehakiman yang dikategorikan sebagai peranan Persekutuan berdasarkan Butiran 4 (e) (ii), Senarai 1, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu:

4. Undang-undang dan acara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuk:

(e) *Tertakluk kepada perenggan (ii), Perkara-perkara yang berikut:*

- (i) *...pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat mentadbir pusaka ...*
- (ii) *Perkara-perkara yang tersebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang- undang diri orang Islam berhubung dengan perkahwinan, penceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat.*

Berdasarkan seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, peruntukan ini mendefinisikan tentang harta pusaka sebagai:

“termasuk harta alih dan tak alih, apa-apa manfaat dalam harta alih atau tak alih, hak, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, samaada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau yang selainnya mempunyai nilai menurut hukum syarak”.

Jenis-Jenis Harta Pusaka Islam

Terdapat 3 jenis Harta Pusaka Islam yang kesemuanya mestilah ditadbir di bawah Akta yang berkaitan dan hendaklah selari dengan jenis harta tersebut. Pertama, adalah Harta Pusaka Kecil yang bermaksud harta peninggalan si mati berbentuk harta tak alih sahaja seperti tanah dan rumah atau gabungan harta tak alih dan harta alih seperti wang simpanan, saham, dan kenderaan. Jumlah nilai harta-harta tersebut mestilah tidak melebihi RM5 Juta pada tarikh permohonan (Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan). Definisi tersebut ada diperuntukkan dalam seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Aziz, 2019).

Seterusnya, kedua adalah Harta Pusaka Besar atau Harta Pusaka Biasa yang bermaksud kesemua harta yang ditinggalkan oleh si mati sama ada secara wasiat (kebiasaannya harta pusaka bukan Islam) atau tanpa wasiat. Harta Pusaka Besar dikategorikan sebagai harta alih dan harta tak alih dengan jumlah keseluruhannya bernilai lebih dari RM5 Juta dan juga harta yang berwasiat walaupun nilai kesemuanya kurang daripada RM5 Juta. Permohonan untuk mendapatkan perintah mentadbir Harta Pusaka Besar mestilah dilakukan di Mahkamah Tinggi Sivil dengan menggunakan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Akhir sekali, yang ketiga adalah Harta Pusaka Ringkas bermaksud harta alih yang ditinggalkan oleh si mati yang bernilai tidak melebihi RM600,000 berdasarkan kepada Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Resali Bin Muda, 2016).

Definisi Anak Angkat Menurut Perspektif Syariah dan Perundangan di Malaysia

Islam membenarkan dan mengharuskan pengangkatan anak lebih-lebih lagi pengangkatan anak-anak yatim yang telah kehilangan ibu atau bapa ataupun ketiadaan penjaga untuk menampung kehidupan mereka malah pengangkatan anak sangat digalakkan dalam Islam kerana dengan ini dapat membantu golongan tersebut dalam memastikan mereka mendapat perlindungan dan keperluan yang sewajarnya. (Zakiyul Fuady Muhammad Daud & Raihanah Hj Azahari, 2018). Tambahan pula, di dalam Al-Qur'an, Allah S.W.T ada menyebut tentang perkara ini dalam Surah Al-Ahzab ayat 4 hingga 5 yang bermaksud:

Terjemahan: "...Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya; dan Dia tidak menjadikan isteri-isterimu yang kamu zihar itu sebagai ibumu, dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataanmu di mulutmu sahaja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan Dia menunjukkan jalan (yang benar). Panggillah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapa-bapa mereka; itulah yang lebih adil pada sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu. Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Al-Quran. Surah Al-Ahzab, 33:4-5)

Dalam ayat tersebut, Allah S.W.T menjelaskan bahawa dalam Islam dan mengikut hukum syarak, kedudukan anak angkat tidak sama seperti anak kandung, malah anak angkat Peru dinasabkan kepada ibu bapa kandung mereka. Justeru itu, Islam mensyariatkan bahawa anak angkat tidak boleh dinasabkan kepada ibu bapa angkatnya dan sudah jelas bahawa haram hukumnya menasabkan anak angkat kepada ibu bapa angkat.

Selain daripada itu, terdapat juga hadis yang menyebutkan tentang hukum haram menasabkan seseorang anak kepada lelaki yang bukan bapa kandungnya, yang mana hadis tersebut bermaksud:

Terjemahan: "Sesiapa yang memanggil (mendakwakan) dirinya sebagai anak dari seseorang yang bukan bapanya, maka kepadanya ditimpakan laksana Allah S.W.T, para malaikat dan manusia seluruhnya. Pada hari kiamat kelak padanya Allah S.W.T tidak menerima amalan-amalannya dan kesaksiannya."

(Sahih Muslim: 1370)

Berdasarkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 juga memutuskan bahawa anak angkat tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkat dan melarang menggabungkan nama anak angkat dengan bapa angkat dalam sijil pengangkatan dan kad pengenalan.

Di samping itu, Islam juga meletakkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam pengambilan anak angkat antaranya ialah (Sumiati, 2013):

- 1) Memastikan tali kekeluargaan antara anak angkat dengan ibu bapa kandung dan keluarganya tidak terputus.
- 2) Anak angkat dan ibu bapa angkat tidak boleh menjadi ahli waris kepada satu sama lain.
- 3) Nama bagi anak angkat tidak boleh dinisbahkan kepada nama ibu bapa angkatnya secara langsung.
- 4) Anak angkat tidak boleh mengambil bapa angkatnya sebagai wali dalam perkahwinan.

Justeru itu, mengikut hukum syarak, anak angkat tidak menjadi “anak sebenar” kepada ibu dan bapa angkat dan Islam juga telah melarang menasabkan anak angkat tersebut kepada bapa angkatnya. Hal ini kerana dalam Islam, penting untuk menjaga keturunan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Maqasid al-Syariah. Oleh itu, nama anak angkat perlu kekal dan wajib dinasabkan kepada nama bapa kandungnya.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa, Islam membenarkan dan menggalakkan pengambilan anak angkat. Walaubagaimanapun, pengambilan anak angkat tersebut perlulah sekadar memfokuskan kepada menjaga dan memelihara mereka serta memberikan kasih sayang, nafkah, pendidikan dan keperluan lain yang secukupnya yang mana tidak dapat dipenuhi oleh ibu bapa kandung mereka. Justeru itu, tiada kesan hukum kepada hubungan kekeluargaan antara anak angkat dengan ibu bapa dan keluarga angkatnya sama ada dari segi nasab, perwalian dan perwarisan walaupun sudah menjadi anggota keluarga angkatnya dan mempunyai jalinan kekeluargaan yang kuat. Hal ini untuk memastikan bahawa tali kekeluargaan dan nasab antara anak tersebut dengan ibu bapa kandungnya kekal dan tidak terputus.

Walau bagaimanapun, di Malaysia undang-undang yang terpakai yang membolehkan proses pengambilan anak angkat ialah melalui Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257). Ini bermakna setiap pengambilan anak angkat perlu didaftarkan. Namun begitu, Undang-undang berkaitan pengambilan anak angkat yang berlandaskan hukum syarak yang mana hanya dikhatuskan kepada orang yang beragama Islam sahaja tiada di Malaysia. Oleh itu, pengambilan anak angkat bagi yang beragama Islam hanya boleh dilakukan di Pejabat Pendaftaran Anak Angkat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253). Walaupun yang demikian, Akta 253 ini tidak hanya dikhatuskan kepada orang yang beragama Islam sahaja tetapi juga terpakai bagi orang bukan Islam. Selain daripada itu, Akta 257 hanya terpakai bagi orang yang bukan beragama Islam. Walaupun kedua-dua akta ini memperuntukkan tentang proses pengangkatan, namun begitu kesan pengangkatan bagi kedua-dua akta tersebut adalah berbeza. (Md Zawawi Abu Bakar & Chan Cheong Chong, 2018).

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253)

Bagi Akta 253, Akta ini terpakai bagi orang Islam dan juga orang bukan Islam tetapi terhad kepada orang yang bermastautin di Semenanjung Malaysia sahaja. Akta ini terpakai bagi orang yang beragama Islam adalah kerana kesan pengambilan anak angkat daripada akta ini tidak bertentangan dengan hukum syarak walaupun Akta ini tidak diasaskan melalui undang-undang Islam. (Zanariah Noor & Anhar Opit, 2017). Konsep pengangkatan menurut Akta ini ialah jagaan tetap yang mana pendaftaran dilakukan ke atas anak angkat yang bersifat de facto sahaja. Oleh itu, ia selaras dengan ajaran Islam.

Menurut Seksyen 6(1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253), terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi pada kanak -kanak tersebut sebelum sesuatu pengangkatan didaftarkan antaranya ialah:

- (i) berumur di bawah lapan belas tahun;
- (ii) belum pernah berkahwin;
- (iii) hendaklah berada dalam jagaan atau diasuh, ditanggung dan diberi pendidikan oleh seseorang atau sepasang kelamin bersama, sebagai anaknya atau anak mereka, menurut pengangkatan fakta (de facto); dan
- (iv) dalam jagaan atau diasuh, ditanggung dan diberi pendidikan oleh pengangkat selama tidak kurang daripada dua tahun berturut-turut dan sebelum sahaja tarikh permohonan untuk pendaftaran.

Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)

Bagi Akta 257 pula, berdasarkan Seksyen 9(1) Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257), kesan perintah pengangkatan adalah peranan ibu bapa kandung diambil alih dan dipindahkan kepada ibu bapa angkat yang mana ia menghapuskan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan ibu bapa atau penjaga asal anak angkat tersebut sama ada dari segi penjagaan, nafkah dan pendidikan serta masa hadapan anak tersebut, termasuklah hak untuk melantik seorang penjaga atau untuk memberi persetujuan ataupun memberi notis melarang perkahwinan. Mengikut Seksyen 9(7) Akta 257, hubungan di antara pengangkat dengan anak angkat diiktiraf sebagai hubungan ibu bapa kandung dengan anak kandung, iaitu dianggap mempunyai pertalian darah. Oleh sebab itu, Akta ini tidak terpakai ke atas orang Islam kerana kesan pengangkatan dalam Akta 257 ini jelas bertentangan dengan hukum syarak. Perkara ini disebut dalam Seksyen 31 Akta ini yang mana Akta ini tidak boleh diguna pakai kepada orang yang beragama Islam dan hanya terpakai kepada orang bukan Islam.

Selain daripada dua akta tersebut, terdapat juga peruntukan-peruntukan lain yang berkait dengan pengangkatan kanak-kanak di Malaysia iaitu:

1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016

Dalam akta ini menyebut bahawa setiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan tanpa mengira jantina, bangsa, agama, atau kecacatan fizikal, mental atau apa sahaja perbezaan.

2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984

Akta ini ada menyentuh tentang anak angkat antaranya ialah dalam bab nafkah dan kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga.

3) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2015

Pekeliling awam ini juga menyentuh tentang anak angkat yang dikira sebagai keluarga terdekat antaranya berikutan cuti tanpa rekod.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu kajian kepustakaan yang bersumberkan artikel dari jurnal ilmiah, undang-undang yang berkaitan dengan isu pengangkatan, kes-kes relevan yang telah diputuskan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Perbincangan dan Hasil Kajian

Hak Harta Pusaka untuk Anak Angkat Mengikut Hukum Syarak

Dalam Islam, anak angkat tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkat. Oleh itu, anak angkat tidak berhak mewarisi harta peninggalan keluarga angkatnya begitu juga sebaliknya. Hak pusaka hanya berlaku apabila seseorang itu mempunyai pertalian nasab ataupun melalui perkahwinan.

Namun begitu Islam membolehkan anak angkat untuk mendapat harta dari ibu atau bapa angkatnya antaranya ialah dengan cara melalui hibah. Hibah ialah pemberian harta yang dilakukan semasa hidup oleh pemilik harta kepada seseorang. Hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja termasuklah anak angkat. Oleh itu, ibu atau bapa angkat boleh menghibahkan harta kepada anak angkat tersebut.

Selain dari hibah, wasiat adalah cara lain yang membolehkan harta ibu atau bapa angkat dipindah milik kepada anak angkat tersebut. Wasiat bermaksud pemberian atau sumbangan harta dari pemilik harta kepada seseorang setelah pemilik harta meninggal dunia. (Al-Khatib Asy-Syarbini, 1994). Tambahan pula, kadar harta yang boleh diwasiatkan ialah tidak melebihi 1/3 dari keseluruhan harta peninggalan dan sekiranya kadar tersebut melebihi 1/3, maka syaratnya ialah perlu kepada persetujuan semua ahli waris lain yang sah mengikut hukum syarak dengan bahagian tersebut. (Al-Khafif, 2010). Hal ini disebut dalam hadis iaitu:

Diriwayatkan bahawa Sa'ad bin Abi Waqas R.A berkata kepada Nabi Muhammad S.A.W:

Terjemahan: "Wahai Rasulullah, Aku ingin berwasiat dengan kesemua hartaku, Nabi bersabda: tidak. Aku berkata: Separuh (hartaku), Nabi bersabda: tidak. Aku berkata: satu pertiga (hartaku), Nabi bersabda: satu pertiga, dan satu pertiga itu banyak. Sesungguhnya engkau meninggalkan ahli waris engkau dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka meminta-minta manusia."

(Sunan An-Nasa'i: 3627)

Oleh itu, anak angkat tidak layak mempusakai harta pusaka keluarga angkat kerana bukan atas hubungan darah atau perkahwinan mengikut hukum syarak melainkan melalui hibah ataupun wasiat.

Peruntukan Undang-Undang Dalam Pembahagian untuk Anak Angkat Berdaftar

Bagi orang yang beragama Islam, seseorang anak angkat tidak boleh mewarisi harta pusaka keluarga angkatnya melainkan dengan cara hibah ataupun wasiat. Di Malaysia, tiada undang-undang yang khusus berkaitan hibah yang pernah diluluskan. Oleh itu, bidang kuasa mengenai hibah hanya termaktub di bawah Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang mana terdapat dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Peruntukan tersebut menetapkan bahawa Mahkamah Syariah berkuasa mendengar dan memutuskan prosiding berkaitan penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang seseorang yang beragama Islam.

Manakala bagi wasiat pula, terdapat peruntukan undang-undang Islam di Malaysia berkaitan wasiat iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam mengikut negeri-negeri masing-masing. Namun begitu hanya terdapat beberapa buah negeri sahaja yang mempunyai undang-undang khusus berkaitan wasiat orang Islam antaranya ialah negeri Selangor, negeri Sembilan, negeri Melaka, negeri Sabah, negeri Kelantan dan juga negeri Pahang.

Selain daripada itu juga, terdapat peruntukan-peruntukan lain yang berkait dengan wasiat iaitu:

1) Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam

Akta/Enakmen ini ada menyebut tentang peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah yang membicarakan kes-kes berkaitan dengan wasiat.

2) Enakmen/Ordinan Mahkamah Syariah

Bagi orang yang bukan beragama Islam pula, seperti yang telah tertulis dalam Seksyen 9 (2) (3) (4) (6) Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang mana menyebutkan sekiranya ibu atau bapa atau mana-mana ahli keluarga angkat tersebut telah meninggal dunia dan tidak membuat sebarang wasiat, maka anak angkat tersebut berhak dalam pembahagian harta yang ditinggalkan tersebut sebagaimana anak angkat tersebut dianggap seperti anak kandung dari ibu dan bapa angkat tersebut dan yang lahir dari perkahwinan mereka yang sah.

Kes-Kes Yang Melibatkan Pembahagian Harta Pusaka Kepada Anak Angkat

Eshah Abdullah & Ors Iwn Aminah Abdul Razak [2005] 3 SHLR 104

Pada asalnya kes ini adalah berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian terhadap harta pusaka si mati iaitu Mohamed bin Abdullah yang telah meninggal dunia pada 1 Disember 1993. Si mati memberi sebuah rumah tiga pintu kepada isterinya dan dua anak angkatnya. Ketika hayatnya, si mati pernah

berusaha membuat proses pecah lot tetapi tergendala disebabkan salah seorang tuan tanah iaitu Dato' Engku Ngah Ibrahim berkenaan menetap di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, dari fakta kes ini menunjukkan si mati telah membuat pemberian hibahnya secara memberi milik kepada ketiga-tiga penerima hibah tersebut. Tuntutan ini telah dibuat oleh Plaintiff-Plaintif terhadap ke atas defendant-defendant. Pada awalnya, kes ini telah diselesaikan dengan cara Suhu antara pihak-pihak namun terdapat satu aset yang tidak dapat diselesaikan dengan cara Suluh dan perlu dibicarakan dihadapan hakim Mahkamah.

Antara harta pusaka si mati yang diterima dan diagihkan kepada pihak-pihak Plaintiff dan pihak-pihak Defendant adalah seperti berikut:

Aset Tidak Alih:

- (i) Semua bahagian tanah dipegang dibawah hakmilik HS(M) 1219, Lot PT1756 P Baroh Pineh, Mukim Chendering, Kuala Terengganu;
- (ii) ½ bahagian tanah yang dipegang dibawah hakmilik KRM 989, Lot 1433 Alor Nipah, Mukim Pulau Kerengga, Marang, Terengganu;
- (iii) Semua bahagian tanah yang dipegang dibawah hakmilik GM 763, Lot 2588, Kg Kuala Tengah, Mukim Pulau Kerengga, Marang, Terengganu;
- (iv) 443/461 bahagian tanah yang dipegang dibawah hakmilik KRM 635, Lot 538, Alor Besar, Mukim Bukit Besar, Kuala Terengganu;
- (v) 38880/123200 bahagian tanah yang dipegang dibawah hak milik KRM 638, Lot 541, Ujang Alor Besar, Mukim Bukit Besar, Kuala Terengganu dengan sebuah rumah satu tingkat yang didirikan di atasnya iaitu No 1728-A, Jalan Budiman Off, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu.

Harta Tak Alih

- (i) Motosikal Honda C86 dan nombor pendaftaran TD 9568.

Aset yang tidak dapat diselesaikan adalah sebidang tanah yang dipegang dibawah GM 210, Lot 3467, Mukim Besar, Terengganu yang dibina pada sebuah bangunan rumah kedai yang mempunyai tiga pintu yang diberi oleh si mati kepada isteri dan dua anak angkatnya. Defendant pertama iaitu isteri si mati mendakwa bahawa aset tersebut adalah sebagai pemberian hadiah si mati dan defendant pertama turut mengemukakan saksi untuk mengesahkan dakwaannya tersebut.

Isu yang dipertimbangkan oleh Mahkamah ialah sama ada wujud atau tidak tuntutan hibah dan sama ada ianya menepati Hukum Syarak dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Hakim memutuskan bahawa Defenden pertama (isteri si mati) berjaya membuktikan sampai ke tahap yakin bahawa telah wujud lafaz hibah semasa hidupnya. Hibah yang dilakukan itu adalah sah dari segi hukum syarak dan undang-undang. Walaupun proses pindahmilik belum dapat disempurnakan, tetapi ketiga-tiga penerima hibah telah menerima hasil sewaan dari bangunan tersebut semenjak Mohamed Abdullah (si mati) masih hidup lagi.

Kewujudan hibah telah disahkan.

- (a) Defendant pertama mengesahkan dakwaannya dengan mengemukakan tiga saksi, terdiri daripada dua perempuan dan seorang lelaki, yang keterangannya dianggap boleh dipercayai oleh Mahkamah. Selepas menganalisis kes ini, sama ada dari sudut Hukum Syarak atau sistem perundangan semasa, Mahkamah membuat kesimpulan bahawa si mati memang membuat pengisytiharan hibah semasa hayatnya.
- (b) Berdasarkan fakta yang telah ditetapkan dalam kes ini, harta hibah masih belum dipindah milik kepada ketiga-tiga penerima yang disebut di atas. Bagaimanapun, ketiga-tiga individu itu memang menerima pendapatan sewa daripada bangunan berkenaan semasa arwah masih hidup. Oleh itu, Mahkamah memutuskan bahawa harta yang terdiri daripada rumah dengan

tiga pintu masuk, serta tanah di mana ia terletak, telah memenuhi semua rukun untuk hibah (hadiyah) seperti yang ditetapkan oleh syarak.

Panel Rayuan telah memutuskan dan mengesahkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, membuat pelarasan seperti yang ditunjukkan di bawah:

- (i) Tuntutan Hibah (hadiyah) Aminah adalah sah, tetapi tuntutan yang dibuat oleh Noraini Hayati bte Mohamed Yusof dan Zaimi bte Mohamed boleh dibuat semasa peringkat pelaksanaan Mahkamah Perbicaraan.
- (ii) Setiap pihak mesti mengeluarkan perbelanjaan masing-masing.

NCMD v ARC [2019] 4 SHLR 45

Pemohon NCMD, yang merupakan pasangan si mati, mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pengesahan wasiat yang digubal oleh si mati, yang dikenal pasti sebagai ZC. Adik ipar pemohon dan adik kandung si mati merupakan responden utama dalam kes ini. Individu itu meninggal dunia pada 11 Februari 2017. Pada 5 Ogos 2011, si mati merangka surat wasiat sebelum kematiannya. Si mati telah meninggalkan kedua-dua harta tak alih dan harta alih kepada pemohon (isteri) dan anak angkatnya, MDHA, dalam pusaka mereka. Dua orang saksi Amanah Raya iaitu MSAW dan AAA terlibat dalam tindakan menandatangi surat wasiat yang didokumenkan ini.

Mengikut seksyen 26(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, kelulusan ini akan memerlukan persetujuan waris yang lain. Ini kerana jumlah yang disediakan melebihi satu pertiga. Wasiat yang diwasiatkan oleh si mati kepada pempetisyen adalah terbatal dan tidak sah kerana ketiadaan kebenaran daripada waris si mati yang lain.

Derma keseluruhan kepada MDHAR berjumlah RM4,317.58, iaitu kurang daripada satu pertiga daripada nilai keseluruhan harta si mati. Oleh itu, wasiat ini dianggap boleh diterima di sisi undang-undang di bawah undang-undang Syariah dan ketetapan yang digariskan dalam seksyen 26(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999.

Mahkamah memutuskan bahawa wasiat si mati, ZC kepada MDHAR, bertarikh 5 Ogos 2011, yang tidak melebihi satu pertiga, dianggap sah di bawah Hukum Syarak. Sebaliknya, mahkamah mendapati wasiat si mati, ZC kepada NCMD, bertarikh 5 Ogos 2011, yang melebihi had satu pertiga, dianggap tidak sah di bawah Hukum Syarak. Selain itu, mahkamah memerintahkan pembahagian harta pusaka si mati, tidak termasuk Akaun Simpanan Agro Bank Bhd, No. Akaun XXX, dibahagikan kepada waris yang sah mengikut kiraan faraid.

Isu-Isu Berbangkit Melibatkan Pembahagian Pusaka Untuk Anak Angkat

Hak Anak Angkat Tidak Berdaftar

Undang-undang mengenai pendaftaran pengangkatan di Malaysia adalah termaktub di dalam Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253). Mengikut Seksyen 9 Akta Pengangkatan 1952 menyatakan kesan pengangkatan adalah antara lainnya, (1) anak yang diambil angkat itu dianggap sebagai anak yang telah dilahirkan kepada ibu/bapa angkat dalam perkahwinan yang sah; (2) semua hak, tanggungjawab dan tanggungan ibu bapa kandung atau penjaga kanak-kanak itu berpindah kepada ibu/bapa angkat; (3) anak angkat mempunyai hak mengenai harta alih dan tak alih ibu/bapa angkat seperti dia anak kandung ibu/bapa angkat itu; dan (4) ringkasnya, anak angkat itu mempunyai hak seperti anak kandung ibu/bapa angkat sendiri.

Namun begitu Seksyen 31 Akta Pengangkatan menyatakan, “Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana orang yang menganut agama Islam sama ada untuk membenarkan pengangkatan mana-mana anak oleh orang itu atau untuk membenarkan pengangkatan oleh mana-mana orang bagi seorang anak yang mengikut undang-undang agama Islam ialah seorang Islam.” Oleh itu akta ini tidaklah terpakai bagi orang islam.

Dalam konteks Islam berdasarkan hukum syarak tiada undang-undang khusus mengenai pengambilan anak angkat (Noor & Opir, 2017). Kebanyakan amalan pengangkatan dalam masyarakat Melayu dilakukan dengan menukar 'bin' atau 'binti' anak angkat dari bapa asal kepada bapa angkat. Namun, perubahan ini tidak memutuskan hubungan keluarga kandung karena wali nasab tetap bertanggung jawab untuk mengawal perwalian perkahwinan bagi anak angkat perempuan (Majid, 1999).

Dalam *kes Jainah bt Semah lwn Mansor bin Iman Mat (1951)*, Plaintiff dan suaminya mengambil anak saudara perempuan suami sebagai anak angkat dan membesarkannya hingga usia sebelas tahun. Setelah suami meninggal, bapa kandung anak mengambil kembali anak tersebut, memunculkan isu undang-undang mengenai pengangkatan dan hak jagaan. Hakim memutuskan bahawa undang-undang di Pahang Tengah mengiktiraf amalan pengangkatan dalam masyarakat Melayu. Meskipun bapa angkat telah meninggal, pengangkatan dianggap masih berlaku selama ibu angkat masih hidup, dan ia dianggap sebagai pengangkatan bersama oleh pasangan suami isteri.

Namun begitu, pengambilan anak angkat yang melibatkan orang Islam di Semenanjung Malaysia hanya boleh dilakukan di Pejabat Pendaftaran Anak Angkat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253). Akta ini boleh dipakai bagi pengangkatan orang islam dan juga bukan islam. Kesan pengangkatan seperti didalam Akta 257 memberikan kesahihan dari segi undang-undang (De Jure) tetapi pengiktirafan pengangkatan bagi Akta 253 hanyalah berbentuk fakta (De Facto) sahaja (Noor & Opir, 2017).

Oleh itu, pengangkatan mengikut adat melayu seperti *kes Jainah Semah* atau adat kaum lain diiktiraf dibawah Akta 253. Walaupun Akta 253 tidak diasaskan oleh undang-undang Islam, ia bersesuaian dengan adat Melayu dan atas sebab kesan pengangkatan adat melayu adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak maka ia dibenarkan ke atas orang Islam (Noor & Opir, 2017).

Walaupun Akta Pendaftaran Pengangkatan memberikan pengiktirafan fakta, tetapi hak anak angkat yang tidak berdaftar masih terbatas dan bergantung pada penilaian masyarakat dan kepatuhan terhadap adat. Terdapat perlunya mempertimbangkan penyelarasan lebih baik antara undang-undang sivil dan hukum syarak dalam konteks hak anak angkat untuk memastikan perlindungan dan keadilan yang sewajarnya, terutama bagi mereka yang menganut agama Islam.

Hak Harta Pusaka Anak Angkat Melebihi Anak Kandung

Pengangkatan tidak memberikan hak waris terhadap harta keluarga angkat, dan hak pusaka hanya diberikan kepada mereka yang memiliki pertalian nasab serta perkahwinan. Ibu bapa angkat juga tidak berhak mewarisi harta anak angkat yang telah meninggal dunia. Meskipun demikian, anak angkat dapat menerima harta melalui hibah semasa hidup dari ibu atau bapa angkat.

Dalam *kes Zanani Mohd Noor vs. Awang Merah dan Lain-Lain*, anak saudara dan anak angkat, perayu, mengemukakan tuntutan terkait tanah rancangan yang pada awalnya diurus oleh bapa kandungnya. Mahkamah Rayuan Syariah, Kota Bharu, memutuskan bahawa tanah tersebut dianggap sebagai hibah mengikut hukum syarak, walaupun Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah tidak mengiktirafnya sebagai pemberian hidup.

Dalam *kes Pengesahan Hibah Norizah bt Mansor*, plaintiff, seorang anak angkat, mengemukakan permohonan di Mahkamah untuk menyatakan bahawa wang baki hasil penjualan tanah adalah hibah. Mahkamah memutuskan bahawa hasil penjualan tanah tersebut adalah hibah, dan plaintiff berhak memiliki wang tersebut.

Dalam *kes Salmiah Che Hat lwn Zakaria Hashim*, isu mengenai tanah yang diberikan oleh bapa angkat kepada plaintiff dibincangkan. Mahkamah memutuskan bahawa pemberian tanah oleh bapa angkat plaintiff adalah hibah yang sah, dan plaintiff berhak atas tanah tersebut.

Selain dari hibah dipindahkan semasa hidup, harta dari ibu bapa angkat kepada anak angkat atau sebaliknya yang mana telah dilafazkan hibahkan tetapi belum dipindahkan tidak boleh dianggap sebahagian dari harta pusaka faraid si mati. Dalam *kes Eshah Abdullah & Ors lwn Aminah Abdul Razak*, si mati telah memberi milik sebuah rumah 3 pintu kepada isterinya dan dua anak angkatnya. Ketika hayatnya, si mati pernah berusaha membuat proses pecah lot tetapi tergendala disebabkan salah seorang

tuan tanah berkenaan menetap di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, dari fakta kes ini menunjukkan si mati telah membuat pemberian hibahnya secara memberi milik kepada ketiga-tiga penerima hibah tersebut. Hakim memutuskan bahawa berjaya membuktikan sampai ke tahap yakin bahawa telah wujud lafadz hibah semasa hidupnya. Hibah yang dilakukan itu adalah sah dari segi hukum syarak dan undang-undang walaupun proses pindahmilik belum dapat disempurnakan.

Selain itu, anak angkat juga boleh menerima harta dari keluarga angkatnya melalui wasiat, asalkan bahagian yang diperuntukkan tidak melebihi 1/3 dari keseluruhan harta peninggalan. Bahagian 1/3 atau lebih boleh diwasiatkan kepada anak angkat dengan syarat semua ahli waris yang sah mengikut hukum syarak bersetuju dengan bahagian tersebut (al-Khafif, 2010).

Diriwayatkan bahawa Sa”d bin Abi Waqas RA berkata kepada Nabi Muhammad SAW:

Terjemahan: “Wahai Rasulullah, aku ingin berwasiat dengan kesemua hartaku, nabi bersabda: tidak. Aku berkata: Separuh (hartaku), nabi bersabda: tidak. Aku berkata: satu pertiga (hartaku), nabi bersabda: satu pertiga, dan satu pertiga itu banyak. Sesungguhnya engkau meninggalkan ahli waris engkau dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka meminta-minta manusia.”

(Sunan An-Nasa’i: 3627)

Mengikut hukum syarak sebagaimana disebut di dalam kitab Mughni Al-Muhtaj (2000) oleh As-Syarbini Jld ketiga di ms 3-4 yang berbunyi:

“Daripada harta peninggalan si mati mengikut tertibnya hendaklah dicabut kerana urusan pengkebumian mayatnya, kemudian dicabut bagi melunaskan hutang si mati itu dan kemudian dicabut untuk menyempurnakan wasiatnya sekadar satu pertiga daripada bakinya itu, seterusnya barulah bakinya dibahagi-bahagikan kepada waris-waris si mati; Kemudian sekiranya harta si mati itu ada persangkutan hak-hak Allah dan hak-hak manusia lain, seperti zakat, hak jenayah (pembayaran diat atau denda hamba bagi orang yang dibunuh oleh si mati semasa hidupnya), gadaian (barang-barang gadaian si mati masih ada yang belum ditebus), pembelian si mati (semasa hidupnya) secara hutang dan belum dijelaskan sedangkan penjualnya telah muflis, maka hak-hak Allah dan hak-hak manusia seperti ini hendaklah terlebih dahulu dicabut daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati dari cabutan kerana urusan pengkebumian mayatnya.”

(As-Syarbini, 2000, p. 3-4)

Dalam kes Wan Abdullah Wan Muda & Seorang Lagi Iwn Wan Puziah Wan Awang, perayu merayu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang menyatakan bahawa ½ bahagian baki akaun Tabung Haji si mati diwasiatkan (al-muso bihi) dan responden (Wan Puziah Wan Awang – anak angkat) berhak menerimanya. Perayu-perayu mempersoalkan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menyatakan bahawa ini bukanlah kes wasiat, tetapi kes penamaan. Mahkamah memutuskan penamaan itu mematuhi syarat-syarat wasiat dengan sedikit pindaan, Kenyataan dalam borang penamaan yang ditandatangani si mati jelas menamakan dua orang penerima yang mendapat ½ bahagian masing-masing dan salah satunya adalah anak angkatnya Wan Puziah. Wasiat hanya melibatkan wang simpanan Tabung Haji sahaja dan tidak menyentuh harta lainnya. Merujuk kepada kitab fiqh al-sunnah, Hakim menyatakan wasiat si mati kepada anak angkatnya sah di sisi hukum syarak, walaupun penerima wasiat dibintikkan kepada bapa angkat (suami si mati), dia bukanlah waris yang dimaksudkan dalam ilmu faraid.

Mengenai kadar bahagian yang dibenarkan bagi wasiat, Hakim menyatakan harta si mati lebih dari RM2 juta, dan ½ akaun Tabung Haji yang berjumlah RM664,000 adalah pertikaian. Oleh itu, isu kadar wasiat yang tidak boleh melebihi 1/3 tidak relevan. Allah S.W.T telah berfirman di dalam Surah Al-Nisa’ iaitu:

“Bagi orang laki-laki ada hak bagian dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan.”

(Al-Quran. Surah Al-Nisa’, 4:7)

Ahli fuqaha seperti Ibn ‘Abbas, al-Zuhri dan al-Hasan al-Basri berpendapat bahawa berwasiat kepada bukan ahli waris adalah wajib (Muhammad Saifullah & Mahamood, 2020). Penetapan kadar wasiat sebanyak 1/3 adalah bertujuan untuk menjaga hak dan kepentingan waris ke atas harta pusaka tersebut di mana hak ini hanya wujud setelah berlakunya kematian pewasiat (Muhamad, 2012). Pada masa yang sama, Islam memberi kelonggaran di mana kadar satu pertiga ini boleh diperluaskan dengan syarat wujudnya persetujuan atau keizinan kesemua ahli waris bagi harta pusaka tersebut (Sulong, 2008).

Secara umumnya, Islam telah menyatakan bahawa sebarang permasalahan, pertikaian atau perbantahan yang berlaku hendaklah dirujuk dan dilihat kembali kepada al-Quran dan sunnah. Ini adalah sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah An-Nisa’, ayat 59:

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) dan Ulul Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya) jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu, lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

Semestinya, kadar pembahagian harta si mati telahpun ditetapkan oleh hukum syarak melalui Surah Al- Nisa’. Kadar 2/3 dari harta si mati selepas membayar segala hutang dan pengurusan jenazah tidak kurang dari jumlah yang boleh diwasiatkan oleh si mati kepada anak angkatnya. Sesungguhnya Allah Maha Adil dan telah menetapkan seadilnya hak-hak setiap waris atas harta pusaka. Harta yang telah diwasiatkan bukanlah dikira sebagai harta pusaka yang boleh diwariskan mengikut hukum faraid.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, boleh dikatakan bahawa anak angkat tidak berhak mewarisi harta pusaka ibu bapa angkat mereka kerana ketiadaan hubungan biologi yang akan memudahkan perwarisan. Namun begitu, adalah menjadi kewajipan ke atas waris yang tinggal untuk menunjukkan belas kasihan terhadap anak-anak angkat, sama seperti arwah ibu atau bapa mereka menunjukkan belas kasihan terhadap mereka sepanjang hayat mereka. Oleh itu, salah satu langkah utama atau pendekatan alternatif yang boleh diambil oleh ibu bapa angkat untuk memindahkan sebahagian daripada aset mereka dipindahkan kepada anak angkat mereka adalah melalui proses hibah atau wasiat. Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa kedua-dua prosedur ini dijalankan dengan saksama, memastikan bahawa ia tidak menimbulkan sebarang masalah kepada pewaris lain atau menunjukkan sebarang pilih kasih dalam pengagihan harta. Di samping itu, adalah penting untuk mematuhi kriteria yang ditetapkan dan kadar yang telah ditetapkan oleh Syariah Islam.

Penghargaan

Penghargaan kepada DIJAP, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kesimpulan

Pertikaian dan perselisihan adalah merupakan perkara lumrah yang berlaku dalam kehidupan manusia. Sejarah perundangan telah memperlihatkan wujudnya pelbagai kaerah bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku ini. Islam telah mengetengahkan *Sulh* sebagai satu kaerah bagi menegakkan keadilan dan menyelesaikan pertelingkahan dan ia mempunyai dalil pensyariatan yang jelas daripada nas al-Quran dan al-Hadis. Pelaksanaannya juga telah dilihat dengan jelas pada masa Rasulullah SAW sendiri dan zaman pemerintahan *Khulafa’ al-Rasyidin*. Melalui kaerah *sulh*, permasalahan yang menjadi pertikaian di antara pihak-pihak akan diselesaikan melalui persetujuan damai di antara mereka tanpa perlu melalui proses litigasi yang rumit serta memakan masa dan kos. *Sulh* yang dianjurkan dalam Islam sangat luas dan boleh diamalkan dalam kebanyakan pertikaian selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang. Pelaksanaan *sulh* di Malaysia, bukanlah sesuatu yang baru. Ia telah dilaksanakan sejak sebelu zaman penjajahan lagi dan terus menerus dilaksanakan sehingga ke hari ini.

Pengaplikasiannya dalam sistem perundangan syariah di Malaysia menyediakan penyelesaian alternatif melalui majlis atau kaedah *Sulh*. Walau bagaimanapun, aplikasi *sulh* yang di amalkan hanya tertumpu kepada penyelesaian pertikaian keluarga sahaja berbanding skop sebenarnya yang jauh lebih luas. Pelaksanaannya pada ketika ini, walaupun ia hanya membabitkan penyelesaian pertikaian dalam aspek undang-undang keluarga Islam, turut tetap dipandu oleh peruntukan perundangan yang sistematik dan sentiasa perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.
- Akta Kanak-Kanak 2001 & Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016.
- Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).
- Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.
- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
- Al-Bukhari, M. bin I. (1987). *Kitab al-Wasaya. Al-Jami' Al-Sahih Al-Mukhtasar* (No. Hadis 2615, Jil. 3, hlm. 1017, cet. ke-3). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Khafif, A. (2010). *Ahkam al-Wasiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Khatib Asy-Syarbini, S., & Muhammad Bin Muhammad. (1944). *Mughni Al-Muhtaj*. Dar Al-Kutub Al-Alamiah.
- Al-Qurtubi, M. bin A. bin A. B. bin F. A.-A. A. A.-Q. (2006). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Baharuddin, A. (2019). *Hal Ehwal Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia dan Permasalahannya*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Retrieved from <https://www.ikim.gov.my/new-wp/wp-content/uploads/2019/09/Kertas-5-1.pdf>
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.
- Enakmen/Ordinan Mahkamah Syariah.
- Eshah Abdullah & Ors lwn Aminah Abdul Razak [2005] 3 ShLR 104.
- Harta Pusaka. (t.t.). Retrieved from <https://mais.gov.my/perkhidmatan-harta-pusaka/>
- Harta. (t.t.). Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=harta>
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. (t.t.). *Pembahagian Harta Pusaka*. Retrieved from <https://jkptg.gov.my>
- Jainah bt Semah lwn Mansor bin Iman Mat [1951] 1 MLJ 62.
- Majid, M. K. (1999). *Undang-undang Keluarga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Md Zawawi, A. B., & Chan, C. C. (2018). Amalan pengangkatan kanak-kanak di Malaysia: Satu analisis perbandingan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21, 47–63.
- Mohd Zainudin, W. Y., Luqman, H. A., & Nurulhuda, A. Z. (2021). Pentadbiran undang-undang harta pusaka mualaf di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Jurnal Fiqh*, 18(2), 315–344.
- Mohd Zamro, M., Mohd Ridzuan, A., Abdul Basir, M., & Md Yazid, A. (2008). *Undang-Undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Putrajaya: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.
- Muhamad, N. H. N. (2012). *Wasiat dan Wisayah dalam Perancangan Harta: Prinsip dan Amalan*. Penerbit UTM Press.
- Muhammad Saifullah, 'A., Husnaa, A., & Mahamood, S. M. (2020). Arising issues in the management of simple testate and intestate estates at Amanah Raya Berhad (ARB). *Journal of Shariah Law Research*, 5(2), 207–230.
- Muhd Farhan. (2020). Adakah anak angkat boleh mewarisi harta pusaka? Retrieved from <https://muftiwp.gov.my>
- Muslim, A. A.-H. A.-N. (t.t.). *Kitab al-'Itq. Sahih Muslim* (No. Hadis 1370, Jil. 2, hlm. 1147). Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.
- NCMD v ARC [2019] 4 SHLR 45.
- Noor, Z., & Opir, A. (2017). Child adoption and its implications towards paternity, custody, maintenance, and inheritance in Islamic family law. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan (Special Issue)*, 9, 101–115.

- Nur Fadlin, R., & Azlin Alisa, A. (2022). Pentadbiran harta pusaka dan implikasi negatif harta tidak ditutut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 1–15.
- Pekeling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2015.
- Pengesahan Hibah Norizah bt Mansor [2004] JH 17(1) 69.
- Resali, M. (2016). Harta pusaka Islam di Malaysia: Antara perundangan dan pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 3, 1–10.
- Salmiah Che Hat lwn Zakaria Hashim [2001] JH 14(1) 79.
- Sumiati, U. (2013). Kedudukan hukum anak angkat terhadap hak waris. *Lex Privatum*, 1(4).
- Wan Abdullah Wan Muda & Seorang Lagi lwn Wan Puziah Wan Awang [2005] JH 19(2) 295.
- Zakiyul, F. M. D., & Raihanah, A. (2018). Wasiat wajibah kepada anak angkat: Analisis terhadap keputusan dan metode penghakiman dalam kes No 459/Pdt.G/2013/Pta Sby. *Jurnal Fiqh*, 15, 41–60.
- Zanani Mohd Noor vs. Awang Merah dan Lain-Lain [2008] JH 26(2).
- Zanariah, N., & Anhar, O. (2017). Pengangkatan anak serta implikasinya terhadap nasab, hadanah, nafkah dan pusaka dalam undang-undang keluarga Islam. *Jurnal Perspektif: Special Issue*, 101–115.